

PELAKSANAAN e-INVOIS DI MALAYSIA

Mengenai e-Invois

e-Invois merupakan representasi dalam bentuk digital bagi transaksi yang dilaksanakan antara Penjual dan Pembeli. e-Invois menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik seperti dalam format PDF, JPEG, DOC dan lain-lain.

e-Invois mengandungi maklumat penting yang sama seperti dokumen tradisional, contohnya, butiran penjual dan pembeli, keterangan item, kuantiti, harga tanpa cukai, cukai dan jumlah keseluruhan, yang merekodkan data transaksi untuk operasi perniagaan harian.

e-Invois dijana berdasarkan format yang ditetapkan oleh LHDNM yang boleh diproses secara automatik oleh sistem.



Contoh format e-Invois



Contoh bukan format e-Invois

Manfaat e-Invois




MENINGKATKAN KECEKAPAN OPERASI

Pemeriksaan kecekapan pengoperasian menjimatkan masa dan kos



MEMUDAHKAN PENGEMUKAAN BORANG NYATA

Pelaporan percukaian yang cekap dan tepat melalui integrasi sistem yang lancar



MENGURANGKAN PROSES MANUAL DAN KESILAPAN

Pemprosesan invois secara bersepadu melalui penyediaan dan pengemukaan dokumen transaksi dan data secara digital



MENDIGITALKAN PELAPORAN PERCUKAIAN DAN KEWANGAN

Penyelarasan proses digitalisasi dan pelaporan kewangan berdasarkan piawaian industri

Mekanisme Penghantaran e-Invois Kepada LHDNM

Pembayar cukai boleh memilih mekanisme yang paling sesuai untuk menghantar e-Invois kepada LHDNM, berdasarkan keperluan perniagaan mereka dan keadaan tertentu.

PORTAL MYINVOIS



Boleh diakses oleh semua pembayar cukai tanpa sebarang kos



Portal yang dihoskan oleh LHDNM



Juga boleh diakses oleh Pembayar Cukai yang perlu mengeluarkan e-Invois ketika mana sambungan *Application Programming Interface* (API) tidak tersedia

APPLICATION PROGRAMMING INTERFACE (API)



API adalah satu set kod pengaturcaraan yang membolehkan penghantaran data secara langsung antara sistem Pembayar Cukai



Memerlukan pelaburan awal dalam teknologi dan pelarasan kepada sistem sedia ada



Sesuai untuk Pembayar Cukai besar atau perniagaan dengan jumlah transaksi yang besar

Gambaran Keseluruhan Pelaksanaan e-Invois

PENGELUARAN e-INVOIS



1 <<



Penjual mengeluarkan e-Invois dan menghantarnya kepada LHDNM melalui Portal MyInvois atau integrasi API untuk pengesahan.

PENGESAHAN E-INVOIS



>> 2

Pengesahan LHDNM dilakukan secara hampir serta-merta bagi memastikan e-Invois memenuhi keperluan dan kriteria yang ditetapkan.

Setelah disahkan, Penjual akan menerima Nombor Pengenal Unik LHDNM daripada LHDNM melalui Portal MyInvois atau API.

PEMAKLUMAN e-INOIS YANG DISAHKAN



3 <<



LHDNM akan memaklumkan Penjual dan Pembeli sebaik sahaja e-Invois telah disahkan melalui MyInvois Portal atau API.

PERKONGSIAN e-INVOIS



>> 4

Selepas pengesahan, penjual perlu berkongsi e-Invois (dengan kod QR) kepada pembeli.

Kod QR boleh digunakan untuk mengesahkan kewujudan dan status e-Invois melalui Portal MyInvois.

PENOLAKAN ATAU PEMBATALAN e-INVOIS



5 <<



Setelah pengesahan e-Invois, Pembeli dan Penjual boleh memohon untuk menolak atau membatalkan e-Invois dalam tempoh masa yang diberikan dengan menyertakan justifikasi.

SEMAKAN SEMULA E-INVOIS



>> 6

Penjual dan Pembeli boleh mendapatkan ringkasan transaksi e-Invois melalui Portal MyInvois.

Garis Masa Pelaksanaan e-Invois

e-Invois akan dilaksanakan secara berperingkat untuk memastikan pelaksanaan yang lancar

Sasaran Pembayar Cukai	Tarikh Pelaksanaan
Pembayar Cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta 	1 Ogos 2024
Pembayar Cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM25 juta dan sehingga RM100 juta 	1 Januari 2025
Semua Pembayar Cukai yang menjalankan transaksi komersial 	1 Julai 2025

Rujukan Penuh Berkaitan Pelaksanaan e-Invois



Garis Panduan Umum
dan Spesifik



Kompilasi Soalan
Lazim



Laman Mikro
e-Invois di Portal
Rasmi HASiL

Maklum balas atau pertanyaan:

Mengenai e-Invois, e-mel ke
myinvois@hasil.gov.my

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui
Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di
<https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>

Disediakan oleh: **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Fian: Poster ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad
engkap mengenai tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan